

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Rakyat dinasihati berhemah guna elektrik | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 27 Jul 2017 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 179,231 |
| Page No | 18 | Readership | 537,693 |
| Language | Malay | ArticleSize | 171 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,736 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,209 |



Rakyat dinasihati berhemah guna elektrik

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Tenaga (ST) berkata, biarpun kerajaan prihatin dengan kenaikan tarif elektrik, pengguna seharusnya menyedari bahawa rebat yang dinikmati sekarang tidak akan berterusan selamanya dan perlu bersedia dikenakan surcaj.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Kanan Pembangunan Industri dan Kawal Selia Pasaran Elektrik suruhanjaya itu, Azhar Omar berkata, memandangkan pemberian rebat itu bukan bersifat kekal, rakyat perlu bersedia dengan kemungkinan itu dan menggunakan tenaga elektrik secara berhemah.

"Walaupun kita sepatutnya mengenakan surcaj, tetapi atas sikap keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat, kerajaan menggunakan wang yang ada untuk menampung kenaikan.

"Ini kerana duit yang ada mungkin tidak dapat menampungnya pada masa hadapan. Rakyat perlu bersedia," katanya.

Mengulas lanjut, Azhar berkata, kerajaan bukannya tidak dapat menanggung kenaikan kos tersebut, sebaliknya sumber kewangan itu sewajarnya digunakan bagi tujuan pembangunan ekonomi dan negara memerlukan banyak sumber kewangan untuk pembinaan hospital, jalan raya dan sebagainya.

"Peranan suruhanjaya ini ialah memastikan

bekalan elektrik yang berdaya harap pada harga munasabah dan mengambil kira kos membekal elektrik serta pulangan munasabah untuk pihak utiliti, kos bekalan api dan sebagainya," katanya.

Azhar berkata, ST tidak mahu syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) meraih keuntungan berlebihan, malah ia sedang melakukan audit ke atas TNB serta semua akaunnya memastikan kos yang ditanggung pada tempoh regulatori pertama munasabah serta efisien, sebagaimana yang ditetapkan.

"Tempoh regulatori pertama untuk proses semakan tarif berakhir pada 31 Disember depan. Mulai 1 Januari tahun depan, kita akan mulakan semakan kedua untuk tempoh regulatori kedua," katanya.

Katanya, dalam perjanjian pembelian tenaga (PPA) generasi pertama, kebanyakan pengeluar penjana bebas (IPP) mencatat sedikit keuntungan.

"Kita sudah kumpul RMI.8 bilion. Selama ini, kita menggunakan dana ini untuk memberi rebat dan sebagainya.

"Sehingga Disember 2017, kita masih ada baki (daripada RMI.8 bilion), tetapi untuk Januari dan seterusnya, saya perlu tengok semakan sama ada (berlaku) peningkatan atau tidak," katanya.

- BERNAMA